

18/08/2000

Penerbit perlu berani terokai pasaran dunia

MASA depan industri penerbitan buku di Malaysia tetap cerah dan menguntungkan walaupun menghadapi cabaran dan saingan hebat daripada kemajuan media eletronik dan Internet.

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa) Datuk Ng Tieh Chuan berkata, bagaimanapun penerbit perlu mengubah sikap dan pendekatan supaya lebih bercorak global.

"Penerbit tempatan tidak lagi boleh bersikap terkongkong dan hanya menumpukan kepada pasaran dalam negara saja," katanya.

Menurutnya, penerbit tempatan mempunyai potensi yang besar untuk berkembang dan maju. Mereka hanya perlu mengubah sikap dan berani mengambil pendekatan baru untuk meneroka pasaran di dunia yang luas terbentang.

Memang tidak dapat dinafikan, penerbit yang berpeluang menerbitkan buku teks sekolah meraih keuntungan besar kerana pasarannya besar dan jumlah jualan buku sudah ditetapkan.

"Kita tidak boleh hanya mengharapka peluang untuk menerbitkan buku teks kerana penerbitan buku untuk bacaan umum juga boleh meraih keuntungan jika diuruskan dengan baik," katanya.

Ramai penulis di negara ini dapat menghasilkan karya yang boleh diterbitkan dalam bentuk buku, tetapi perlu dipilih dan dibantu untuk menerbitkan buku yang bermutu dan boleh dijual.

Buku karya sasterawan dan penulis tempatan juga boleh diterjemah ke dalam bahasa Inggeris dan dipasarkan di luar negara, seperti yang dilakukan oleh penerbit di India dan Jepun.

"Banyak buku hasil karya sastera Melayu boleh dipilih untuk tujuan ini dan dijual di pasaran antarabangsa seperti di negara Asia, Eropah, Afrika dan Amerika Syarikat," kata Ng.

Jika usaha ini dilakukan, suatu hari nanti buku sastera Malaysia juga boleh memenangi anugerah sastera atau penulisan antarabangsa.

Syarikat penerbit buku tempatan juga boleh muncul sebagai penerbit yang kuat dan berwibawa untuk menerbitkan pelbagai jenis buku untuk pasaran dunia dan antarabangsa.

Pada masa ini kebanyakan penerbit tempatan cenderung dan berebut-rebut menerbitkan buku untuk pasaran tempatan yang terhad. Bahan yang menjadi pilihan juga terhad seperti politik dan cerita misteri.

Sebenarnya bahan untuk bacaan umum sangat luas dan masih belum diterokai sepenuhnya seperti sains dan teknologi, bidang profesional, kemahiran hidup, pelancongan serta kebudayaan.

Penerbit tempatan khusus Bumiputera harus merebut peluang ini dan bertindak menerbitkannya untuk memenuhi pasaran tempatan dan luar negara. Satu cara untuk mendekati peluang ini ialah dengan menjadi ahli Mabopa.

Penerbit boleh berbincang dan bertukar-tukar idea dan maklumat untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi mereka dalam industri penerbitan buku.

Sebagai contoh, Pelanduk Publications milik Ng adalah satu-satunya penerbit Malaysia yang berjaya menerokai pasaran antarabangsa dengan memasarkan buku mengenai Malaysia yang ditulis oleh penulis negara ini.

Dengan penubuhan sebuah syarikat penerbit di London atas nama Asean Academic Press, Pelanduk Publications berjaya memasarkan banyak buku terbitan tempatan di Eropah dan Amerika Syarikat.

"Masyarakat Barat mula membeli buku mengenai Malaysia melalui Asean Academic Press London dan ini membuka peluang yang luas untuk penulis

tempatan menghasilkan buku mengenai pelbagai perkara mengenai negara ini," katanya.

Buku biografi pemimpin Malaysia seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman mendapat sambutan yang menggalakkan. Begitu juga dengan buku tulisan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelanduk Publications juga menerbitkan buku mengenai tokoh seni seperti Seniman Tan Sri P Ramlee. Ia juga merancang menerbitkan buku mengenai penyanyi atau pelakon negara seperti Saloma dan Sharifah Aini.

Ng berpendapat banyak potensi untuk penerbit tempatan menerbitkan buku dan mempunyai pasaran jika diusahakan bersungguh-sungguh dan merancang penerbitannya.

Beliau juga menyarankan supaya penerbit buku tempatan menyertai Mabopa bagi menikmati faedah daripada pelbagai usaha yang dijalankan persatuan untuk memperbaiki industri penerbitan di negara ini.

Katanya, Mabopa boleh memberi bimbingan dan nasihat kepada penerbit untuk memajukan syarikat masing-masing dan mencari jalan mengatasi masalah jika ada.

Beliau sendiri akan mengetuai delegasi Mabopa ke Pesta Buku Dunia di Frankfurt, Jerman, Oktober ini untuk mencari peluang dan menimba pengalaman dalam bidang penerbitan buku.

(END)